

PUBLISHED

Osman Bakar. 2023. Ke Arah Memperluaskan Wawasan dan Agenda Pendidikan Umat Islam Kampuchea: Sebuah Saranan Strategik (ms. 144-164). Dalam: Mohamad Zain Musa dan Muhammad Yamin Ismail (Penyusun), *Strategi Pembangunan Masyarakat Kampuchea*. Kajang: Ikatan Pembangunan Muslim Selangor (ASMAK). 467 mukasurat. ISBN: 978-623-8091-17-1.

**Ke Arah Memperluaskan Wawasan dan Agenda Pendidikan Umat Islam Kampuchea:
Sebuah Saranan Strategik**

Osman Bakar, PhD

Mukadimah

Salah satu ciri menarik peta demografi Asia Tenggara ialah kehadiran kaum dan masyarakat Melayu di semua negara di rantau ini. Malahan di Myanmar pun terdapat masyarakat kecil Melayu di kawasan-kawasan pesisiran negara itu dan juga di beberapa buah pulau kecil yang menjadi kepunyaannya. Generasi tuanya masih boleh bertutur dalam bahasa Melayu mengikut loghat Kedah dan Perlis.¹ Ada sebelas buah negara kesemuanya di Asia Tenggara yang juga merupakan ahli-ahli pertubuhan serantau ASEAN (Association of Southeast Asian Nations). Seperti yang kita sedia maklum, tiga daripada sebelas buah negara ini mempunyai penduduk yang majoritinya terdiri daripada kaum Melayu, iaitu Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam yang kesemuanya terletak di Kepulauan Melayu.² Di lapan buah negara ASEAN lagi semuanya mempunyai masyarakat Melayu sebagai golongan minoriti. Lima daripadanya terletak di tanah besar Asia Tenggara, iaitu Thailand, Myanmar, Vietnam, Kemboja dan Laos. Di kalangan negara-negara ini masyarakat Melayu terbesar ialah di Thailand, iaitu sekitar 3.5 juta orang. Di Kemboja sendiri masyarakat Melayunya hanya

¹ Penulis pernah berbual dalam bahasa Melayu dengan beberapa orang penduduk di sebuah kampung pesisir di daerah berkenaan menerusi kemudahan video whatsapp. Saya juga dapat mengikuti sebahagian daripada khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib dalam bahasa Melayu loghat Kedah. Saya tidak menjangka di Myanmar masih terdapat kampung Melayu yang benar-benar tradisional.

² Kedudukan geografi Malaysia agak istimewa. Wilayah Timurnya yang terdiri daripada Sabah dan Sarawak adalah sebahagian daripada Pulau Borneo tetapi Wilayah Baratnya, Malaya merupakan sebuah semenanjung bukan pulau. Maka kini ia dipanggil Semenanjung Malaysia. Namun demikian, meskipun dari segi geografi fizikal ia adalah sebahagian daripada tanah besar Asia Tenggara, secara tradisinya ia dimasukkan dalam wilayah Kepulauan Melayu selaras dengan kesatuan jati diri etnik dan budayanya dengan jati diri budaya wilayah tersebut.

seramai sekitar satu juta manusia.³ Tiga lagi negara ASEAN – Singapura, Filipina dan Timor Leste – terletak di Kepulauan Melayu. Di antara tiga buah negara ini, Filipina mempunyai masyarakat Melayu Islam terbesar, iaitu seramai hampir lapan juta orang.⁴ Angka ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam minoriti terbesar di ASEAN ialah di Filipina.

Disebabkan Indonesia mempunyai penduduk Islam yang kini sudah mencecah hampir 230 juta orang, iaitu hampir 90% daripada jumlah penduduknya seramai 275 juta manusia, maka penduduk umat Melayu Islam di seluruh ASEAN sudah melebihi 250 juta orang. Itu satu angka yang sangat besar. Ia melayakkan umat Melayu Islam di Asia Tenggara dianggap sebagai salah satu cabang umat Islam global terbesar.⁵ Dengan kekuatan demografi yang sedemikian di samping kekayaan hasil bumi anugerah Ilahi yang dikagumi dunia umat Melayu Islam ASEAN berpotensi besar untuk menerajui kepimpinan umat Islam sedunia dalam pelbagai bidang kehidupan. Dengan kata lain, kepimpinan ketamadunan! Harapan ini diluahkan atas andaian bahawa dalam sejarah umat Melayu Islam yang sudah berusia hampir lapan abad, fenomena kepimpinan ketamadunan mereka di peringkat global dan dalam konteks dunia Islam belum pernah terjadi.⁶ Yang tinggal untuk diberi perhatian dan untuk diusahakan dengan jayanya ialah kekayaan kemanusiaan. Intipati kekayaan kemanusiaan ialah ilmu dan akhlak sepertimana yang difahamkan dalam ajaran sebenar Islam dan bukan sekadar dalam ertikata modal insan (human capital) yang pernah dijajakan kepada khalayak ramai di Malaysia sebelum ini.

³ Jumlah sebenar penduduk Islam di Kemboja tidak diketahui. Tidak ada angka yang disepakati umum. Menurut perangkaan yang diberi oleh Kementerian Kepercayaan Tradisi dan Agama, Kemboja (Ministry of Cult and Religion) berdasarkan banci kependudukan bagi tahun 2016, penduduk Islam adalah seramai 361,483. Lihat Audrey Wilson dan Vandy Muong, "The village that left Buddhism behind," *Phnom Penh Post*, 20 Februari 2016. Menurut *UCA news* (Union of Catholic Asian News) terbitan 24 Februari 2022, ada sekitar 400,000 orang Islam di Kemboja. Tetapi menurut Ustaz Mohsen Mohamad Farid, kini Pengerusi Lembaga Penasihat Universiti Pengurusan dan Teknologi Kampuchea (CUMT), jumlah sebenar penduduk Islam mungkin mencecah 1 juta orang. Bagi saya, angka rasmi daripada Kerajaan Kemboja itu pun sudah cukup untuk menunjukkan kedudukan demografi yang baik bagi masyarakat Melayu Islam di negara itu mencetuskan perubahan kemasyarakatan yang bermakna apatah lagi kalau jumlah sebenar anggotanya sudah mencecah satu juta orang.

⁴ Lihat <https://worldpopulationreview.com/country.rankings/muslim-population-by-country>

⁵ Di antara cabang-cabang umat Islam global yang besar termasuklah umat berbahasa Arab, umat berbahasa Parsi, umat berbahasa Turki, umat berbahasa Urdu di benua kecil India, dan umat berbahasa Swahili di Afrika Timur. Di sini dapat diperhatikan bahawa umat Islam sedunia dibahagikan kepada cabang-cabangnya berdasarkan perbezaan bahasa yang disifatkan oleh Kitab Suci al-Quran (30:22) sebagai salah satu ayat atau tanda Allah. Oleh itu, amat sesuai kita menggelar umat Islam Asia Tenggara atau umat Islam ASEAN sebagai umat Islam berbahasa Melayu. Memang itu pun yang kita maksudkan apabila kita menggunakan istilah umat Melayu Islam.

⁶ Isu kemungkinan orang Melayu muncul sebagai pemimpin umat Islam sedunia pernah timbul beberapa kali dalam zaman pasca kolonial, iaitu berikutan dengan berlakunya fenomena kebangkitan semula Islam yang bermula di awal dekad 1970an. Saya sendiri pernah mengambil bahagian dalam perbincangan beberapa kelompok kecil tentang isu ini semasa saya aktif dalam gerakan ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) dalam dekad tersebut. Tetapi isu ini tidak pernah dibincangkan pada tahap yang lebih serius dan dalam forum yang lebih besar. Agak menarik, ada kalanya yang membayangkan kemungkinan umat Melayu menerajui kepimpinan umat sedunia ialah orang-orang Islam dari rantau lain di dunia Islam. Suara-suara seperti ini ada kedengaran khasnya semasa Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri (1981-2003) termasuklah dari dunia Arab. Di antara sebabnya termasuklah profil politik antarabangsa Mahathir yang sangat menonjol di waktu itu. Apa pun, suara-suara ini jelas menunjukkan bahawa pengiktirafan potensi umat Melayu untuk memimpin dunia Islam juga datang daripada kalangan umat di luar Alam Melayu.

Tetapi sayugia diingati bahawa ilmu dan akhlak yang diperlukan untuk tujuan pembangunan ketamadunan apatah lagi di peringkat menjadi pemimpin umat dalam bidang serba merangkumi ini adalah sistem pendidikan yang tersusun rapi dan yang berjiwakan hikmah Ilahi yang terkandung dalam al-Quran. Adalah suatu hikmah sejagat bahawa pendidikan adalah kunci kejayaan dan kemajuan. Intipatinya ialah ilmu dan akhlak yang perlu maju seiring sekata. Atas sebab itu saya telah memilih “Memperluaskan Wawasan Dan Agtenda Pedidikan Umat Islam Kemboja” sebagai tajuk bicara bagi makalah ini yang hendak dimuatkan dalam sebuah buku istimewa yang didedikasikan kepada tema strategi pembangunan masyarakat Kampuchea. Saya menaruh harapan bahawa masyarakat Islam Kemboja atas sifatnya sebagai salah satu cabang umat Melayu Islam ASEAN akan sama-sama bangun dengan cabang-cabangnya yang lain, besar dan kecil, untuk memajukan bidang pendidikan yang berinspirasikan Islam demi melonjakkan martabat umat serantau ke persada kepimpinan dunia. Tidak dapat dinafikan bahawa ini adalah harapan atau cita-cita besar. Namun ia bukan mustahil untuk dicapai. Sekiranya mustahil, masakan al-Quran (3:110) menggariskan ajaran dan konsep umat terbaik (*khayra ummah*) untuk dihayati oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya supaya ia dijadikan contoh umat terbaik sepanjang zaman.

Sebagai cabang umat Melayu serantau dan sekaligus cabang umat Islam sedunia, meskipun ia kecil, pada hemat saya ada baiknya sekiranya masyarakat Melayu Kemboja menyusun strategi dan melipatgandakan usaha untuk mengambil kesesempatan daripada segala peluang yang terbuka kepadanya lantaran kedudukannya sebagai masyarakat minoriti dalam kedua-dua kes. Andaian cadangan saya di sini ialah kepercayaan bahawa sesebuah masyarakat minoriti boleh mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang kehidupan asalkan sahaja mereka memiliki wawasan kemasyarakatan yang baik dan juga sumber kepimpinan yang baik terutama sekali wawasan pendidikan. Dalam bahagian berikut saya akan huraikan isu-isu penting yang saya bangkitkan ini tetapi dengan menumpukan perhatian kepada persoalan wawasan pendidikan masyarakat Melayu Islam Kemboja yang wajar diberi perhatian mendalam khasnya oleh golongan terpelajar, ilmuwan dan cendekiawannya.

Masyarakat Melayu Islam Kemboja Sebagai Golongan Minoriti: Strategi Untuk Kemajuan

Kedudukan masyarakat Melayu Islam Kemboja boleh dilihat daripada beberapa perspektif dan dalam beberapa konteks. Pertama, konteks kenegaraan Kemboja, di mana masyarakat ini dilihat sebagai golongan etnik minoriti sekaligus golongan agama minoriti. Kedua, konteks keserantauan di Asia Tenggara, di mana ia dilihat sebagai salah satu daripada lapan buah masyarakat Islam minoriti sepertimana yang telah diperhatikan tadi. Namun demikian, pada masa yang sama ia juga boleh dilihat sebagai sebahagian daripada umat Islam ASEAN yang merupakan kelompok agama terbesar dalam organisasi serantau ini. Konteks kedua bagi kedudukan masyarakat Melayu Islam Kemboja ini, iaitu tegasnya sebagai minoriti dalam konteks nasional dan sebagai majoriti dalam konteks serantau, adalah signifikan dan wajar untuk direnungkan oleh golongan terpelajar dalam masyarakat tersebut, khasnya para ilmuwan dan pemimpin politik.

Ketiga, konteks umat Islam sedunia yang bertaburan di semua negara di atas muka bumi ini di mana ia merupakan salah satu masyarakat Islam minoriti. Adalah dianggarkan

bahawa sekitar 500 juta orang Islam tinggal di negara-negara di mana mereka merupakan puak minoriti. Ini bermakna bahawa sekitar satu pertiga umat Islam (iaitu daripada jumlah keseluruhannya seramai lebih daripada 1.5 bilion orang) menetap di negara-negara di mana mereka dikira sebagai kaum minoriti. Masyarakat Melayu Islam Kemboja adalah termasuk di kalangan satu pertiga umat Islam sedunia yang dimaksudkan. Konteks ketiga ini mempunyai kepentingan tersendiri. Seperti yang kita sedia maklum umat Islam sedunia mempunyai organisasi besar, iaitu Pertubuhan Kerjasama Islam (Organisation of Islamic Cooperation) yang lebih terkenal dengan panggilan OIC, yang ditubuhkan dengan tujuan besar untuk melindungi kepentingan umat, khususnya masyarakat Islam minoriti.⁷ Pada dasarnya masyarakat Islam minoriti boleh mendapat bantuan dalam pelbagai bentuk daripada OIC yang beribupejabat di Jeddah, Saudi Arabia. OIC pula telah melahirkan beberapa buah pertubuhan yang juga boleh dimanfaatkan oleh umat Islam. Pertubuhan di bawah naungan OIC yang paling wajar untuk dirujuk oleh umat Islam, khususnya dalam bidang pendidikan, saintifik dan teknikal serta kebudayaan, ialah ICESCO, ringkasan kepada The Islamic World Educational, Scientific and Cultural Organisation (Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam Sedunia) yang beribupejabat di Rabat, Maghribi.

Demi kebaikan masa depannya dan peningkatan daya persaingannya berbanding dengan masyarakat majoriti beragama Buddha yang lebih maju, ada baiknya jika masyarakat Melayu Islam memikirkan tentang kedudukannya dalam ketiga-tiga konteks yang saya nyatakan. Dalam makalah ini saya ingin menumpukan kepada perbincangan tentang apa yang saya lihat sebagai peluang-peluang keemasan yang terbuka dewasa ini kepada masyarakat Melayu Islam Kemboja untuk membangun dan mara ke depan. Yang ternampak oleh saya, peluang-peluang keemasan ini terbuka dalam ketiga-tiga konteks yang saya maksudkan. Berikut ini saya bincangkan secara ringkas isu peluang-peluang keemasan yang dimaksudkan dalam setiap konteks kedudukan masyarakat umat Islam Kemboja sebagai golongan Muslim minoriti.

Peluang dan Peranan Strategik Masyarakat Melayu Islam Dalam Konteks Kebangsaan dan Kenegaraan Kemboja

Bagi mana-mana masyarakat minoriti pun adalah jelas bahawa dari segi kepentingan strategiknya konteks kebangsaan dan kenegaraan mengatasi konteks-konteks lain. Namun demikian setiap konteks ada masalah dan cabarannya; ia ada dimensi positif dan dimensi negatifnya; juga ada peluang dan pintu rezeki yang terbuka luas dan peluang dan pintu rezeki yang tertutup atas sebab-sebab tertentu. Unsur, dimensi dan ciri terpenting dalam konteks kebangsaan dan kenegaraan ialah hubungan kemasyarakatan antara masyarakat minoriti Islam dan masyarakat majoriti Buddhist. Dewasa ini hubungan ini disifatkan sebagai sangat baik. Keharmonian wujud antara dua masyarakat ini. Ada pemerhati politik dari dalam dan

⁷ OIC ditubuhkan pada bulan September 1969 ekoran daripada peristiwa keganasan membakar Masjid Al-Aqsa di Baitulmaqdis yang dikuasai oleh Israel yang dilakukan oleh seorang pelampau Kristian warganegara Australia. Pada asalnya OIC diberi nama Organisation of Islamic Conference. Tetapi pada bulan Jun 2011 nama itu ditukar kepada Organisation of Islamic Cooperation. Nama baru itu membolehkan ringkasan OIC terus digunakan.

luar Kemboja yang menyifatkan hubungan sekarang sebagai yang terbaik sejak berakhirnya Perang Saudara 30 Tahun (1968-1998) pada tahun 1998.⁸

Masyarakat Islam Kemboja harus bersyukur kerana boleh hidup dalam keadaan aman damai dengan masyarakat lain, khususnya dengan masyarakat majoriti Buddhist. Mereka wajar menerima keharmonian sosial ini sebagai nikmat Allah yang besar yang patut disyukuri. Mereka akan dapat merasa lebih bersyukur lagi jika sekiranya mereka sedar dan insaf betapa banyaknya dewasa ini masyarakat minoriti Islam yang mendapat layanan buruk daripada masyarakat majoriti masing-masing. Sebenarnya, mereka tidak perlu melihat jauh ke luar negara untuk mendapat keinsafan ini. Sudah memadai bagi mereka untuk mendapat pengajaran besar daripada sejarah Perang Saudara 30 Tahun yang penuh dengan peristiwa hitam lagi mengerikan. Keharmonian sosial sekarang harus dipelihara dengan baik kerana ia merupakan aset sosial yang besar kepada masyarakat Islam khasnya dan negara amnya. Iklim sosial yang sihat di mana hubungan harmonis antara kaum dan agama adalah penyumbang utamanya merupakan syarat penting bagi pembangunan masyarakat. Masyarakat Islam Kemboja sangat memerlukan iklim seperti itu sekiranya mereka mahu membangun dan mencapai kemajuan atas landasan nilai-nilai murni Islam yang pada hakikatnya adalah nilai-nilai sejagat lagi universal. Dapat disimpulkan di sini bahawa adalah menjadi tanggungjawab sosial masyarakat Melayu Islam di Kemboja, malahan tanggungjawab keagamaan mereka juga, untuk memelihara kestabilan dan keharmonian sosial negara.

Dialog antara kaum dan agama yang berterusan sehingga menjadi suatu budaya tentang isu rukun hidup aman damai dalam masyarakat majmuk boleh mempertingkatkan lagi mutu dan kualiti hubungan sosial rakyat Kemboja. Saya gembira mendapat tahu bahawa ada orang Islam termasuklah Dr Mohsen Farid yang telah dilantik oleh pihak pemerintah untuk berperanan sebagai penasihat kepada Kementerian Kepercayaan Tradisi dan Agama. Pada agakan saya, selaras dengan namanya sudah tentulah Kementerian ini boleh memainkan peranan untuk memperkasakan hubungan antara agama di negara Kemboja.

Unsur, dimensi dan ciri kedua terpenting dalam konteks kebangsaan dan kenegaraan ialah hubungan politik masyarakat Islam dengan pihak pemerintah. Kita menyedari bahawa isu ini isu sensitif. Malahan di kebanyakan negara dewasa ini yang mempunyai masyarakat minoriti Islam baik di Timur mahu pun di Barat kita dapat menyaksikan pergelutan penuh kontroversi yang berterusan antara kaum majoriti dan kaum minoriti. Di antara bentuk ketegangan dan konflik yang membabitkan masyarakat minoriti Islam yang melanda negara-negara ini termasuklah fenomena Islamophobia. Fenomena negatif ini menzahirkan prejudis dan sikap anti Islam yang sama sekali tidak berasas. Tetapi sekali lagi kita melihat Kemboja sebagai sebuah negara yang berbeza dari segi layanan yang diberi oleh pihak pemerintah kepada masyarakat Islamnya. Masyarakat Melayu Islam Kemboja sudah pun diwakili di peringkat tertinggi Kerajaan dengan terlantiknya beberapa orang daripada masyarakat itu sebagai Menteri dan Timbalan Menteri dalam Kabinet Kerajaan. Pujian harus diberi kepada Perdana Menteri sekarang, Hun Sen (lahir 1952) yang memegang jawatan itu sejak tahun 1985. Inisiatif terbaru beliau mempromosikan banyak pihak. Tetapi ia sewajarnya dialu-alukan oleh masyarakat Islam Kemboja. Dalam ucapannya di Majlis Penutup Mesyuarat Tahunan

⁸ *UCA News*, 24 Februari 2022.

Kementerian Dalam Negeri pada 23hb Februari 2022 Hun Sen telah mengumumkan langkah Kerajaannya untuk melantik individu-individu Muslim yang layak ke jawatan Gabnor dan Timbalan Gabnor di daerah-daerah di mana terdapat ramai orang Islam.⁹ Saya rasa ramai yang akan bersetuju bahawa langkah Hun Sen ini adalah suatu berita gembira kepada masyarakat Islam Kemboja, terutama sekali masyarakat Cham Muslim.

Elok hasrat dan harapan Hun Sen yang dizahirkan dalam ucapannya diteliti maksudnya dan didalami implikasinya kepada masa depan penglibatan masyarakat Islam dalam kehidupan politik negara dan sesungguhnya juga kepada masa depan politik dan sistem pentadbiran Kampuchea. Intisari ucapannya sepertimana yang tersiar dalam akhbar *Khmer Times* (24 Februari 2022) menegaskan perkara-perkara berikut:

(1) Kerajaan akan menyegerakan proses perlantikan individu-individu Muslim yang berkelayakan ke jawatan-jawatan tinggi di peringkat sub-nasional, iaitu provinsi (wilayah) dan daerah dan juga kota atau bandar di mana terdapat ramai orang Islam;

(2) Beliau menggesa Kerajaan di peringkat sub-nasional supaya menamakan calon-calon daripada masyarakat Islam untuk dipertimbangkan bagi jawatan gabnor dan timbalan gabnor;

(3) Daerah-daerah yang didiami oleh orang Islam (bukan majoriti) seharusnya mempunyai timbalan gabnor daripada kalangan mereka; tegas Hun Sen, “dengan pengagihan kuasa ini, kita akan dapat memudahkan komunikasi Kerajaan [Pusat] dengan masyarakat Islam berhubung dengan hal ehwal mereka dan pada masa yang sama ia adalah sebahagian daripada dasar pengharmonian antara agama;”

(4) Melantik pegawai Muslim ke jawatan tertinggi di peringkat wilayah dan daerah bukan bertujuan untuk memenuhi kuota [kaum] tetapi adalah berdasarkan keperluan dan kelayakan samalah seperti dasar melantik wanita ke jawatan tinggi dalam pentadbiran provinsi, kementerian-kementerian dan institusi-institusi;

(5) Hun Sen menegaskan bahawa “kita perlu memberi perhatian yang sewajarnya kepada dasar baru ini dan saya merayu kepada pelajar-pelajar dan pegawai-pegawai Islam supaya memberi perhatian kepada usaha untuk memperkuatkan lagi kapasiti pentadbiran yang berkaitan dengan hal ehwal masyarakat Islam.

Intisari ucapan Hun Sen ini sangat memberangsangkan. Ia boleh memberi inspirasi baru terutamanya kepada generasi muda Islam. Bagi menunjukkan betapa seriusnya beliau dengan cadangan dasar baru ini beliau telah mengumumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri telah ditugaskan dengan kerja menyediakan kerangkanya. Tambah beliau lagi, “Wilayah-wilayah yang mempunyai penduduk Islam¹⁰ akan menyediakan cadangan-cadangan

⁹ Ucapan Hun Sen ini telah mendapat liputan meluas dalam akhbar-akhbar tempatan dan luar negara keluaran keesokan harinya. Sila lihat misalnya *Khmer Times* (24 Februari 2022) beribu pejabat di Phnom Penh, ibu negara Kampuchea dan *Union of Asian Catholic News* (24 Februari 2022), iaitu sebuah akhbar dalam talian yang tersebar luas ke seluruh dunia.

¹⁰ Orang Islam ramai terdapat dalam enam wilayah Kemboja, iaitu Kampong Cham, Kratie, Kampong Thom, Kampong Chhnang, Pursat dan Kampot. Di Phnom Penh sendiri ada satu daerah yang majoriti penduduknya ialah orang Islam.

kepada Kementerian Dalam Negeri tentang proses penyemakan kelayakan perantikan pegawai-pegawai tinggi berkenaan. Kita akan pinda undang-undang yang sedia ada supaya lebih banyak jawatan tinggi dalam pentadbiran negara dapat diwujudkan.”¹¹

Pada pendapat saya, cadangan dasar baru yang dikemukakan oleh Kerajaan Hun Sen ini berkaitan dengan pentadbiran agama dan hal ehwal masyarakat Islam Kemboja adalah perkembangan paling menarik dalam sejarah moden masyarakat tersebut. Apabila dilaksanakan kelak dasar baru ini dijangka akan membuka ruang luas kepada masyarakat Islam untuk memajukan kehidupan sosial, ekonomi, agama dan politik mereka. Hubungan antara masyarakat Islam dan pihak Kerajaan juga dijangka akan menjadi lebih erat dan lebih kukuh. Peluang-peluang keemasan bagi masyarakat Islam yang telah saya bayangkan dalam perbincangan setakat ini akan banyak dijana oleh dasar baru ini. Peluang-peluang ini akan menjana pula peluang-peluang lain secara kait mengait antara satu sama lain. Hun Sen sendiri membayangkan ada banyak kebaikan yang akan terhasil daripada pelaksanaan dasar baru pentadbiran Islam yang kini masih dalam perancangan. Sebagai kesimpulannya, hubungan bertambah baik antara masyarakat Islam dan pemerintah akan memperkasa kedudukan mereka sebagai masyarakat minoriti dan pada masa yang sama menaikkan imej dan nama baik pemerintah, khasnya Hun Sen sendiri.

Unsur, dimensi dan ciri ketiga terpenting kedudukan masyarakat Islam Kemboja sebagai masyarakat minoriti dan juga yang terakhir untuk dibincangkan dalam konteks kebangsaan dan kenegaraan ialah cabaran dalam bidang pendidikan. Setiap masyarakat Islam yang merupakan golongan agama minoriti dalam negara mereka seperti masyarakat Islam di Kemboja harus memikirkan tentang segala peluang yang terbuka kepada mereka untuk memajukan diri mereka dalam bidang pendidikan lebih-lebih lagi sekiranya wujud ketegangan hubungan dengan golongan pemerintah atau dengan golongan majoriti. Meskipun di Kampuchea hubungan masyarakat Islam dengan pemerintah adalah baik, namun cabaran dalam bidang pendidikan tetap ada bagi mereka tetapi sudah tentulah coraknya berlainan. Adalah diakui umum bahawa faktor penentu terpenting bagi kejayaan dan kemajuan sesebuah masyarakat minoriti tanpa mengira kaum atau agama ialah pendidikan. Begitu strategik sekali peranan pendidikan sebagai pencetus kemajuan sosial sehinggakan berkemungkinan besar masyarakat minoriti dapat mengatasi masyarakat majoriti dalam pelbagai bidang kehidupan lantaran pencapaian dan prestasi tingginya dalam bidang pendidikan.

Lihat sahaja kejayaan masyarakat Yahudi dalam bidang pendidikan dan keilmuan! Di negara mana pun mereka bermastautin, walau pun secara relatifnya bilangan mereka sangat kecil, mereka selalunya muncul sebagai kelompok masyarakat yang terkedepan dari segi kemajuan duniawi. Sebab utamanya ialah kejayaan mereka dalam bidang pendidikan. Sememangnya masyarakat mereka memberi keutamaan kepada pendidikan dan mereka juga memuliakan budaya ilmu. Semangat menghargai pendidikan dan ilmu yang mereka tunjukkan elok dicontohi oleh masyarakat Islam zaman sekarang. Tetapi dalam membuat saranan ini saya juga penuh sedar bahawa ajaran Islam juga memuliakan pendidikan dan budaya ilmu. Cuma isunya, kebanyakan masyarakat Islam sekarang tidak menghayati ajaran ini.

¹¹ *Khmer Times*, 24 Februari 2022.

Sebenarnya ramai orang Yahudi tahu kepentingan ilmu dan pendidikan di sisi Islam kerana ia terserlah dalam sejarah. Atas sebab itu ramai sarjana mereka membuat perakuan terbuka bahawa zaman keemasan tamadun Islam adalah juga zaman keemasan tamadun Yahudi yang bernaung di bawahnya.¹² Pencapaian ketamadunan secara serentak ini oleh bangsa Yahudi dan umat Islam boleh berlaku kerana kedua-dua tamadun dibangunkan atas dasar yang sama, iaitu pemikiran tauhid yang mencetuskan idea besar kesatuan ilmu pengetahuan. Budaya ilmu tauhidi Islam yang bersifat universal membolehkan kepercayaan tauhidi Yahudi berkembang subur sehingga ia menjelma sebagai sebuah budaya ilmu yang banyak bertindih dengan budaya ilmu Islam seperti yang terjadi misalnya di Andalusia dan Iraq di zaman Islam klasik. Yang patut diambil perhatian ialah bahawasanya dalam sejarah orang Yahudi tinggal sebagai masyarakat minoriti dalam dunia Islam mereka tidak ketinggalan dalam bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan. Oleh kerana mereka mengetahui bahasa Arab, malahan sesetengahnya menguasai bahasa itu, mereka tidak terasing daripada arus perdana budaya ilmu dalam tamadun Islam.

Dengan mengambil kira peranan strategik pendidikan dalam pembangunan kemanusiaan dan kemasyarakatan maka saya menganjurkan agar masyarakat Islam Kemboja memberi keutamaan kepada wawasan dan agenda pendidikan yang dirangka dan disusun khas bagi mencapai matlamat keumatan (*ummatic*) masyarakat mereka sendiri. Wawasan dan agenda pendidikan yang disarankan di sini harus difahami logik dan strateginya. Dari segi cakupan pengertiannya ia memang lebih luas daripada konsep wawasan dan agenda pendidikan yang biasa difahami dalam masyarakat kita. Ada dua isu besar berkaitan dengannya yang perlu dijelaskan. Pertama, konsep pendidikan difahami di sini sebagai merangkumi pendidikan rasmi atau formal dan juga pendidikan bukan formal, iaitu kedua-duanya sekali. Pendidikan rasmi disediakan di sekolah, kolej dan universiti sama ada kepunyaan Kerajaan atau swasta. Pendidikan bukan formal pula merujuk kepada pendidikan di rumah yang diberikan oleh kedua ibu bapa atau guru peribadi yang dipilih oleh mereka untuk mengajar dan mendidik anak-anak mereka. Pendidikan bukan formal juga merujuk kepada segala aktiviti keilmuan, pemindahan ilmu dan penghayatan nilai dan seumpamanya seperti yang terdapat di masjid, surau, seminar, usrah, bengkel dan pelbagai jenis ruang aktiviti lain yang terbuka kepada khalayak ramai.

Dalam zaman moden ruanglingkup pendidikan bukan formal ini begitu luas sekali. Ia dianggap penting dan signifikan kerana ia merupakan pelengkap wajib kepada pendidikan rasmi terutama yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Dari perspektif Islam pendidikan bukan formal dapat dilihat sebagai usaha masyarakat untuk menghayati falsafah pendidikan sepanjang hayat yang ditegaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam hadithnya "Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad." Pada kurun kedua puluh Era Bersama pertubuhan UNESCO mengambil mesej daripada hadith ini untuk dijadikan moto terkenalnya *Life Long Education*. Dewasa ini pandangan berleluasa di seluruh dunia ialah bahawa pendidikan rasmi semakin kurang berkesan dalam memainkan peranan tradisinya sebagai institusi penyampai

¹² Sebagai contoh sila lihat pandangan Max I. Dimont, seorang ahli sejarah pemikiran dan tamadun Yahudi terkenal pada kurun kedua puluh Era Bersama, dalam tulisannya *The Jews in America: The Roots, History and Destiny of American Jews* (Chicago: Olmstead Press, 2001), hal. 2.

ilmu bersepadu dan pendidik akhlaq. Pandangan seperti ini mendorong ramai ibu bapa untuk mencari ruang pendidikan lain sebagai tambahan atau pelengkap kepada pendidikan rasmi. Namun begitu, terutama dari perspektif sosial Islam isu peranan pendidikan bukan formal dalam pembangunan masyarakat perlu diberi perhatian. Maka diskusi tentang isu ini harus dimasukkan ke dalam kerangka wawasan dan agenda pendidikan yang hendak dihasilkan.

Kedua, pendidikan masyarakat Islam Kemboja ada kaitan dengan isu penting jati diri atau identiti mereka. Sesebuah masyarakat minoriti selalunya terpaksa berdepan dengan isu identiti berganda. Dalam kes masyarakat Melayu Cham mereka sekaligus mempunyai identiti etnik Melayu Cham, identiti agama, iaitu Islam bagi kebanyakan mereka dan identiti nasional sebagai warganegara Kampuchea. Dalam masyarakat majmuk tidak mudah untuk mendamaikan antara ketiga-tiga identiti ini yang ternyata mempunyai tuntutan masing-masing. Bagi sistem pendidikan negara, peranan utamanya ialah untuk melahirkan warganegara Kampuchea dengan identiti kebangsaannya. Masyarakat Islam Kemboja seperti juga kelompok-kelompok masyarakat yang lain terpaksa melalui sistem pendidikan rasmi ini. Tetapi untuk memelihara identiti etnik dan identiti agama mereka peranan dan sumbangan pendidikan bukan formal adalah diperlukan. Apakah pada idealnya sifat dan bentuk ketiga-tiga identiti yang mencirikan masyarakat Islam Kemboja yang hendak dizahirkan secara seimbang bergantung kepada banyak faktor, terutama sekali faktor politik dan faktor kesedaran agama. Sikap positif yang ditunjukkan oleh Kerajaan Hun Sen terhadap masyarakat Islam telah diambil maklum sebelum ini. Saya menyifatkan sikap ini sebagai agak menggalakkan. Ia merupakan satu petanda baik kepada masa depan yang lebih cerah untuk masyarakat Islam Kemboja. Dalam suasana dan iklim sosial dan politik yang lebih baik para ilmuwan dan cendekiawan Muslim Kemboja boleh melangsungkan wacana intelektual yang kreatif lagi produktif tentang isu identiti berganda bagi masyarakat Islam di negara mereka dan tentang pencerahan dan pemupukannya, khasnya menerusi pendidikan bukan formal. Dari segi jangka panjang, langkah memasukkan isu tiga identiti masyarakat Islam Kemboja ke dalam gagasan wawasan dan agenda pendidikan mereka adalah suatu yang strategik baginya dan negara Kampuchea amnya.

Mungkin ada pihak di kalangan orang Islam di Kampuchea atau di negara-negara ASEAN lain yang akan mempertikaikan kewajaran wawasan dan agenda pendidikan yang telah diketengahkan atas sebab-sebab tertentu. Mungkin mereka beranggapan bahawa wawasan dan agenda pendidikan tersebut terlalu tinggi harapannya untuk dicapai atas andaian bahawa ia di luar kemampuan dan kapasiti masyarakat Islam Kampuchea. Tetapi saya tidak berfikiran begitu. Bagi saya, wawasan dan agenda yang digambarkan bukanlah suatu idea yang luarbiasa dan idealistik. Sebaliknya, ia adalah suatu idea yang sangat praktikal untuk membangunkan masyarakat Islam Kemboja ke arah kemajuan yang lebih tinggi agar kedudukan, status dan martabatnya sebagai masyarakat minoriti diakui sebagai di antara yang terbaik di dunia. Yang diperlukan daripada masyarakat Islam Kemboja hanyalah perkara-perkara berikut: [1] cita-cita tinggi lagi murni untuk menjadi umat terbaik; [2] kesediaan untuk berubah ke arah kebaikan dan kemajuan hakiki; [3] kesediaan untuk mengenalpasti unsur-unsur kekuatan dan kelemahan kolektif sebagai panduan untuk bertindak; [4] kesediaan untuk merancang masa depan secara strategik; [5] kesediaan untuk mengenalpasti peluang-peluang kecil dan besar yang terbuka kepada masyarakat untuk memperoleh kejayaan.

Kelima-lima keperluan ini merupakan aset-aset kemanusiaan bukan fizikal yang boleh disediakan menerusi penggunaan akal fikiran dan psikologi. Oleh itu, pada logiknya pemimpin masyarakat Islam patut mendekati golongan pemikir dan ilmuwan untuk membantu menyediakan aset-aset berkenaan.

Sehubungan dengan tugas penting ini yang hendak diserahkan kepada golongan pemikir dan ilmuwan, saya berpendapat bahawa Universiti Pengurusan dan Teknologi Kampuchea (CUMT) yang baru ditubuhkan¹³ boleh mengambil inisiatif untuk menggerakkan projek ini sambil menawarkan dirinya sebagai Sekretariatnya. Malahan amat sesuai sekali sekiranya CUMT sanggup mengasas dan mengembangkan program akademik dan penyelidikan di bawah tajuk Pengurusan Sosial di mana projek Wawasan dan Agenda Pendidikan bagi masyarakat Islam Kemboja dapat diusahakan. Pada pendapat saya, program akademik dan penyelidikan seperti itu akan membantu usaha untuk meletakkan CUMT atas asas yang kukuh dalam tempoh yang singkat, menaikkan imejnya sebagai sebuah universiti swasta yang peka kepada isu-isu kemasyarakatan dan juga menarik perhatian institusi-institusi pendidikan di ASEAN khususnya dalam bidang Islam dan sains sosial.

Potensi CUMT untuk muncul sebagai salah satu ejen perubahan sosial terkemuka dalam masyarakat Islam Kemboja adalah sangat besar khususnya dalam bidang pendidikan. Selain memberi kepimpinan dalam usaha melahirkan wawasan dan agenda pendidikan bagi masyarakat ini, misalnya untuk tempoh satu dekad akan datang, CUMT boleh membantu Kerajaan Hun Sen dalam usahanya untuk menjayakan dasar baru pentadbiran Islam yang telah dibentangkannya seperti yang sudah dibincangkan. CMCU boleh membantu dari segi sumbangan akademik dalam bidang pendidikan pengurusan dan kepegawaian, khususnya dari perspektif Islam. Apabila Hun Sen membuat rayuan khas kepada pemimpin masyarakat dan pelajar-pelajar Islam supaya mereka membantu menjayakan dasar baru ini di samping beliau menekankan perlantikan pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan dan yang terlatih ke jawatan-jawatan tinggi pentadbiran¹⁴ beliau sebenarnya membayangkan peranan yang boleh dimainkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi. Dalam hal ini saya suka menyarankan kepada CUMT agar mereka merebut banyak peluang akademik dan penyelidikan yang terbuka kepada institusi-institusi akademik sebagai ekoran daripada pengumuman dasar baru pentadbiran Islam tersebut.

Sebagai kesimpulan, boleh ditegaskan di sini bahawa dalam konteks membicarakan isu cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam Kemboja dalam bidang pendidikan penubuhan CUMT merupakan perkembangan yang sangat dialu-alukan. Dengan penubuhannya salah satu cita-cita masyarakat Islam Kemboja dalam bidang pendidikan tinggi telah termakbul. Adalah diharapkan agar CMCU akan menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat tersebut untuk memperkasa kedudukannya sebagai umat minoriti menerusi bidang pendidikan.

¹³ CUMT akan mengambil kumpulan sulung pelajarinya pada bulan Januari 2023 akan datang.

¹⁴ *Khmer Times*, 24 Februari 2022.

Peluang dan Peranan Strategik Masyarakat Melayu Islam Kemboja Dalam Pendidikan Dalam Konteks ASEAN

Seperti yang telah dibincangkan setakat ini, faktor-faktor dalaman negara memanglah merupakan penentu terpenting kejayaan dan kemajuan masyarakat Islam Kemboja sebagai masyarakat minoriti. Tetapi ini tidak bermakna bahawa pengaruh dunia luar boleh diabaikan terutama sekali dunia pendidikan. Dalam bahagian makalah ini saya akan membincangkan secara ringkas tentang beberapa kemungkinan yang boleh difikirkan oleh pemimpin dan cendekiawan Muslim Kemboja dalam usaha mencari penyelesaian kepada masalah-masalah pendidikan umat Islam di negara itu yang mungkin sukar hendak diselesaikan tanpa bantuan luar. Di antara peluang yang harus difikirkan termasuklah penjalinan hubungan strategik dengan golongan-golongan di negara-negara jiran yang bersekepentingan dan bersehaluan dari segi pemikiran dan kepercayaan. Dari segi psikologi kemasyarakatan adalah suatu usaha yang baik untuk merapatkan hubungan kebudayaan umat Islam di Kemboja dengan kelompok-kelompok seagama dan sekebudayaan di negara-negara lain di rantau ASEAN khususnya di Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam. Dari segi strategi, hubungan pendidikan hendaklah dijadikan teras hubungan kebudayaan yang dimaksudkan. Bahagian ini akan menumpukan perhatian kepada isu-isu berkaitan dengan penjalinan hubungan strategik antara umat Islam Kemboja dengan umat Islam di bahagian-bahagian lain dalam ASEAN. Turut dibincangkan ialah potensi ASEAN untuk menjadi pemangkin pertumbuhan segar dan pementapan jaringan umat Islam dalam negara-negara ahlinya yang boleh memberi manfaat besar kepada umat Islam Kemboja khususnya dan umat-umat Islam minoriti yang lain pada amnya.

Pengukuhan kedudukan masyarakat minoriti Islam Kemboja menerusi agenda pendidikan boleh diusahakan dengan menggunakan pelbagai cara. Di antaranya termasuklah jaringan alumni, sumbangan dana oleh penderma-penderma individu yang kaya, para dermawan (philanthropist), Yayasan-Yayasan antarabangsa yang menumpukan perhatian kepada program-program pendidikan di Asia Tenggara, khususnya untuk golongan minoriti, seperti Yayasan Asia dan beberapa buah Yayasan Jepun, pertubuhan-pertubuhan yang berkecimpung dalam dunia pendidikan, forum-forum serantau dan agensi-agensi ASEAN sendiri. Sehingga sekarang sudah ramai bilangan alumni universiti-universiti dan kolej-kolej di negara-negara ASEAN yang dilahirkan oleh masyarakat Islam Kemboja. Sudah diakui umum bahawa alumni selaku peribadi atau persatuan alumni boleh memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial dari beberapa segi. Di negara-negara Barat terutamanya Amerika Syarikat, tumpuan besar institusi-institusi pengajian tinggi diberi kepada peranan alumni yang jika dibandingkan dengan pengalaman kita di Asia Tenggara boleh disifatkan sebagai suatu amalan pada skala luarbiasa. Dalam budaya alumni mereka fokusnya ialah kepada usaha mengumpulkan dana setinggi yang mungkin untuk memenuhi pelbagai tujuan dan keperluan alma mater. Tetapi di dunia Timur peranan alumni atau mantan pelajar atau murid tua bukan sekadar untuk membalas budi baik alma mater yang memberi tempat belajar kepada mereka dengan memberi sumbangan wang atau sumbangan material dalam apa jua bentuk. Dalam sesetengah budaya, alumni juga menyumbang kepada penjalinan hubungan kebudayaan dan pendidikan antara negaranya dan negara alma maternya.

Apabila saya memasukkan jalinan alumni sebagai salah satu cara masyarakat Islam Kemboja dapat diperkasa menerusi pendidikan serantau, sebenarnya saya terfikirkan apa yang berlaku di Malaysia dalam dekad-dekad 1970an dan 1980an. Pada masa itu ada satu persatuan yang agak aktif, namanya Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah (PBMTT).¹⁵ Ahli-ahlinya ialah bekas mahasiswa Malaysia di universiti-universiti Timur Tengah, iaitu di negara-negara Arab, Turki dan Iran tetapi majoritinya adalah di Universiti Al-Azhar. Bidang pengajian utama yang diikuti oleh pelajar-pelajar ini ialah pengajian Islam dengan segala cabang pengkhusuan tradisinya. Sebilangan kecil daripada mereka menuntut dalam bidang-bidang perubatan, pergigian dan pendidikan. Perkara yang saya ingin tegaskan di sini ialah bahawasanya dalam dua atau tiga dekad pertama kewujudannya peranan alumni Malaysia dari Timur Tengah ialah untuk menjalini hubungan baik umat Islam di Malaysia dengan umat Islam di Timur Tengah khususnya dalam bidang pendidikan dan kebudayaan. Di samping itu mereka menjalin kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia, Kedutaan-Kedutaan Malaysia di Timur Tengah (khususnya pegawai atau Bahagian Pelajaran masing-masing) dan Kedutaan-Kedutaan Timur Tengah di Kuala Lumpur demi menarik lebih ramai pelajar Malaysia menuntut di Timur Tengah dan memastikan kebajikan dan keselamatan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di sana terjamin.

Sejajar dengan peranan yang pernah dimainkan oleh PBMTT dalam konteks Malaysia itu para alumni universiti-universiti ASEAN dari masyarakat Islam Kemboja boleh mewujudkan jaringan serantau seperti itu bagi tujuan-tujuan yang sama tetapi dalam konteks masyarakat ASEAN pada masa sekarang. Jika dirancang dengan baik, jaringan alumni ASEAN ini boleh menyumbang ke arah kemajuan masyarakat Islam Kemboja dalam bidang pendidikan dan sekaligus mempertingkatkan tahap kerjasama di kalangan umat Islam ASEAN. Pencapaian sama adalah juga diharapkan daripada masyarakat-masyarakat minoriti Islam lain dalam ASEAN.

Walaupun ada banyak peluang yang masyarakat Islam Kemboja boleh memanfaatkan daripada segala kemudahan, aktiviti dan jaringan serantau yang sedia ada termasuklah menerusi organisasi ASEAN, seperti yang telah saya sebutkan, namun persoalannya ialah siapakah yang akan berperanan untuk merebut peluang-peluang itu sehingga tercapai matlamat yang disasarkan. Sekurang-kurangnya seorang dua individu atau satu kumpulan kecil adalah diperlukan untuk menjayakan misi ini. Saya berpendapat bahawa elok juga sekiranya peranan ini dimainkan oleh institusi pengajian tinggi seperti CUMT. Namun demikian, wajar diinsafi bahawa tugas utama sesebuah IPT ialah untuk mengajar dan menyelidik dan berfungsi sebagai pusat pembelajaran. Maka langkah strategik lagi bijaksana yang wajar diambil oleh CUMT ialah untuk menjadikan agenda perebutan peluang-peluang serantau di peringkat ASEAN untuk kebaikan dan kesejahteraan masyarakat Islam Kemboja sebagai sebuah gagasan ilmiah pelbagai dan antara disiplin disertai dengan projek

¹⁵ Persatuan ini ditubuhkan pada 13hb September 1966. Nama asalnya ialah Persatuan Bekas Pelajar-Pelajar Mesir (PBPPM). Tetapi apabila semakin ramai bilangan pelajar Malaysia menuntut di negara-negara lain seperti Jordan, Iraq, Syria dan Arab Saudi maka pada tahun 1978 nama Persatuan diubah kepada Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah. Pada tahun 1983 sekali lagi perubahan nama berlaku. Nama terbaru ialah Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah yang kekal hingga ke hari ini. Untuk keterangan lebih lanjut tentang sejarah penubuhan Persatuan ini sila lihat <https://pbmitt.org.my/sejarah-penubuhan/>

penyelidikan dan aplikasi amali sosial. Gagasan ini berupa suatu inisiatif dalam sains social dan orientasinya tidak terkeluar daripada skop misi CUMT. Di antara disiplin-disiplin ilmiah yang terlibat termasuklah ilmu pendidikan, pengajian Kampuchea, pengajian ASEAN, pengajian Asia Tenggara, pengajian etnik, sains sosial Islam, ilmu pengurusan dan pengajian strategik. Adalah diharapkan agar CUMT mempertimbangkan gagasan ini untuk diteliti dan seterusnya dikembangkan sebagai bidang pengajian yang sangat penting kepada masyarakat Islam Kemboja khususnya dan Kampuchea dan ASEAN pada amya,

Saya ingin mengakhiri bahagian ini dengan membincangkan secara ringkas dua jaringan pendidikan dan keilmuan di peringkat rantau ASEAN yang diwujudkan lebih daripada satu dekad yang lalu. Dua jaringan ini ialah Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (IIIT) cawangan Asia Tenggara dan Asia Timur dan Forum Cendekiawan Umat Serantau (FOCUS) yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Saya pernah memimpin IIIT Asia Tenggara-Asia Timur sebagai Pengarahnya dan FOCUS yang saya asaskan sebagai Pengarah Eksekutifnya buat beberapa tahun lamanya. Tumpuan utama aktiviti dan program IIIT Asia Tenggara-Asia Timur ialah di sekitar isu Islamisasi dan Integrasi Ilmu. Sasaran pesertanya ialah para ahli akademik dan siswazah di pusat-pusat pengajian tinggi ASEAN. Adalah jelas bahawa oraganisasi ini telah mencapai kejayaan besar dari segi memperluaskan jaringan ilmiah di kalangan ilmuwan dan sarjana Islam di seluruh ASEAN. Pelbagai isu keilmuan dan pendidikan dari perspektif Islam telah ditangani dalam seminar, persidangan, forum, bengkel yang dianjurkan oleh organisasi ini. FOCUS juga melalui program-programnya yang bersifat akademik dan intelektual telah berjaya mengumpulkan para ilmuwan untuk berdiskusi tentang pelbagai isu kontemporari yang dihadapi oleh umat Islam ASEAN. Memandangkan bahawa kedua-dua jaringan berjaya mengeratkan hubungan keilmuan, profesional dan persaudaraan di kalangan para ilmuwan dan cendekiawan Islam ASEAN maka diharapkan lebih ramai wakil masyarakat Islam Kemboja akan menyertainya. CUMT, misalnya, boleh menjadi tuan rumah kepada aktiviti-aktiviti keilmuan tertentu yang dianjurkan secara bersama dengan FOCUS dan IIIT Asia Tenggara.

Peluang dan Peranan Strategik Masyarakat Melayu Islam Kemboja Dalam Konteks Dunia Islam

Masyarakat Islam Kemboja juga boleh mendapat pelbagai manfaat daripada hubungannya dengan umat Islam sedunia di luar rantau ASEAN. Hubungan dengan OIC harus dipelihara dengan baik terutamanya dengan ICESCO, iaitu pertubuhan kelahirannya. Hubungan OIC dengan ICESCO adalah seperti hubungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Organisation) dengan UNESCO. Peranan dan bidang kuasa UNESCO adalah agak sama dengan peranan dan bidang kuasa ICESCO. Atas sebab itu OIC meletakkan urusan pendidikan, penyelidikan, kebudayaan dan saintifik dan teknikal untuk umat Islam di bawah pengelolaan ICESCO. Para pemimpin dan ilmuwan Islam di Kemboja adalah disarankan supaya menjalin hubungan profesional dengan ICESCO kerana pertimbangan khas biasanya diberikan kepada permohonan pertolongan daripada masyarakat minoriti Islam.

Sebagai contoh, CUMT berada dalam keadaan baik untuk memperoleh bantuan daripada ICESCO atas beberapa sebab. CUMT adalah sebuah universiti baru yang diasaskan

oleh kumpulan Islam untuk kepentingan masyarakat Islam di Kampuchea. Ia penting bagi memenuhi keperluan pendidikan tinggi bagi masyarakat minoriti Islam. Tambah lagi CUMT mendapat sokongan kuat pihak pemerintah. Kerajaan Kampuchea dikira sebagai mempunyai hubungan baik dengan OIC. Pada bulan Jun 2018 Setiausaha Agung OIC, Dr Yousef bin Ahmed Al-Othaimeen telah memuji Kampuchea sebagai di antara beberapa buah sahaja negara bukan Islam yang memberi layanan baik kepada masyarakat minoriti Islam. Pujian ini disampaikan menerusi wakilnya dalam ucapannya di Majlis Iftar di Phnom Penh yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan Kampuchea sendiri.¹⁶

Pada umumnya, masyarakat minoriti Islam boleh mendapat manfaat yang lebih besar daripada OIC sekiranya hubungan antara mereka dijalin dengan restu atau melalui Kerajaan. Oleh kerana hubungan masyarakat Islam Kampuchea dengan pihak pemerintah adalah baik maka CUMT berada dalam keadaan yang sangat strategik untuk memohon pertolongan daripada ICESCO berkaitan dengan isu-isu pendidikan tinggi.

Memandangkan bahawa Kampuchea berhasrat untuk mengadakan hubungan perdagangan, ekonomi dan perniagaan yang lebih baik dengan negara-negara Islam, maka masyarakat Islam Kemboja harus melihat hasrat ini sebagai sumber peluang untuk memperbaiki kedudukan mereka khasnya dalam bidang-bidang tersebut. Mereka boleh memikirkan tentang potensi peranan mereka sebagai “jambatan budaya” antara Kerajaan Kampuchea dan negara-negara Islam. Peranan seperti itu jika ia menjadi kenyataan boleh menjanjikan banyak kebaikan kepada masyarakat Islam Kampuchea. Sebagai contoh, hasrat Kerajaan Kampuchea untuk merapatkan hubungan perdagangan, ekonomi dan perniagaannya dengan Turki telah mendapat liputan media antarabangsa.¹⁷ Tidak diketahui setakat ini implikasi hubungan baru Kampuchea-Turki ini kepada kedudukan masyarakat Islam Kampuchea.

Kesimpulan

Tidak ada sebab mengapa masyarakat Melayu Islam di Kemboja tidak boleh muncul dalam dua tiga dekad atau satu generasi lagi sebagai masyarakat minoriti Muslim termaju di Asia Tenggara dalam ertikata ‘maju’ yang sebenarnya. Tetapi kejayaan itu perlu dicapai dengan ilmu, hikmah, kerajinan dan kesungguhan. Makalah ini menegaskan bahawa kunci kejayaan bagi sesebuah masyarakat minoriti ialah kemajuan dalam bidang pendidikan. Maka disarankan agar masyarakat Islam Kemboja menumpukan perhatian kepada pembangunan pendidikan secara terancang dan strategik. Perlu ada wawasan dan agenda pendidikan yang boleh dijadikan panduan kepada usaha pembangunan pendidikan ini. Beberapa strategi juga dicadangkan bagi tujuan memperkasakan kedudukan masyarakat Islam di Kemboja sebagai sebuah masyarakat minoriti yang berjaya. Strategi-strategi ini memerlukan masyarakat minoriti ini mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan tiga pihak, iaitu hubungan dengan Kerajaan Kampuchea dan masyarakat majoriti Buddha negara itu, hubungan dengan

¹⁶ ‘Cambodia a ‘beacon for Muslim coexistence,’ says OIC chief’ *Arab News*, 14 June 2018.

¹⁷ *UCA News*, 24 February 2022.

ASEAN khasnya dengan umat Islam serantau dan hubungan dengan umat Islam sedunia khasnya dengan pertubuhan OIC.

Hubungan masyarakat Islam Kemboja dengan Kerajaan Kampuchea di bawah pemerintahan Hun Sen dilihat sebagai baik tetapi ia boleh diperbaiki lagi. Kesenambungan kestabilan politik, pemeliharaan dasar keharmonian antara kaum dan agama dan dasar-dasar lain yang menguntungkan masyarakat Islam Kemboja perlu dipertahankan. Ini kerana semua itu merupakan syarat-syarat penting untuk membangunkan masyarakat Islam dalam keadaan aman damai. Maka ramai di Kampuchea yang mendoakan semoga kestabilan politik negara akan terus terpelihara walau pun selepas Hun Sen tidak lagi menjadi Perdana Menteri!
Wa'Llahu a'lam.